

# **Bab 1 Pendahuluan**

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

Media tempatan dan antarabangsa yang menjalankan operasi mereka di negara ini diperakui memainkan peranan yang begitu penting dalam usaha mengumpul seberapa banyak maklumat dan berita dari negara ini. Pengumpulan berita itu bertujuan untuk disalurkan kepada golongan sasaran iaitu pembaca tempatan dan antarabangsa.

Lazimnya, tugas pengumpulan berita oleh media tempatan dilakukan berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada pemimpin tinggi kerajaan yang terdiri daripada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kanan, Ketua Jabatan, Tokoh Korporat dan Tokoh Akademik.

Berita yang dikumpul membabitkan pelbagai isu antaranya, politik, ekonomi dan sosial. Isu sosial yang sering dilaporkan antaranya mengenai keluhan masyarakat yang menghadapi masalah terutama untuk mendapatkan keperluan asas terutama kemudahan tempat perlindungan seperti rumah, bekalan air dan elektrik.

Setiap laporan akhbar tempatan disiarkan melalui edisi. Edisi itu terbahagi pula kepada zon iaitu zon untuk pembaca di Semenanjung Malaysia dan pembaca di Sabah dan Sarawak.

Bagi agensi berita asing pula, mereka mempunyai pilihan topik tertentu. Biro agensi media asing di Asia secara keseluruhannya lebih cenderung untuk mendapatkan berita dan maklumat terkini mengenai perkembangan serta isu yang membabitkan politik dan ekonomi saja.

Dua isu ini diberi perhatian khusus memandangkan mereka yakin pembaca mereka lebih tertarik untuk mendapatkan maklumat mengenai dua perkembangan. Dua topik ini sering diketengahkan kerana ia mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan iklim pelaburan semasa Malaysia dan negara jirannya.

Maklumat tentang perkembangan ekonomi dan kestabilan politik negara akan disebarluaskan oleh agensi berita asing ke seluruh dunia. Sumber ini dianggap sebagai memberi gambaran sebenar mengenai keadaan politik dan iklim pelaburan negara.

*Contact Person* atau sumber yang baik dengan wartawan ini biasanya membabitkan seseorang menteri, ketua setiausaha kementerian, ketua pengarah jabatan, penaung badan bukan kerajaan (NGO), pengarah atau pengurusi eksekutif badan korporat serta polis bagi mendapatkan berita jenayah.

## **1.5 Kajian Pelaporan Berita Politik**

Bagi isu politik, pengkaji memberi tumpuan khusus liputan berita media asing dan tempatan sepanjang kempen pilihan raya bermula 10 November 1999 iaitu ketika kerajaan mengumumkan pembubaran Parlimen dan pada hari pengundian 29 November 1999. Isu politik lain yang turut dimuatkan ialah berhubung pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 September 1998.

Selain kumpulan NSTP, agensi persuratkhabaran tempatan antaranya, Kumpulan Utusan Malaysia Berhad menerbitkan akhbar utama Utusan Malaysia, manakala Star Publication menerbitkan akhbar The Star. Akhbar berbahasa Cina iaitu Nanyang Siang Pau dan Sin Chew Jit Poh. Akhbar berbahasa Tamil iaitu Tamil Nesan dan Malaysia Nanban.

Semua agensi berita tempatan yang menerbitkan akhbar melalui empat bahasa mempunyai objektif mereka sendiri iaitu menyediakan maklumat terkini kepada pembaca berhubung isu berkaitan antaranya, politik, ekonomi dan sosial.

Bagi agensi media antarabangsa pula, antara agensi yang menjalankan operasi mereka di negara ini ialah, Reuters, Agence France Presse (AFP), United Press International (UPI) dan Associated Press (AP), Kyodo News Japan dan Fuji News Network. Semua agensi ini mempunyai objektif mereka sendiri dalam usaha menyebarkan maklumat terkini bagi tatapan pembaca di negara asal agensi berkenaan dan *audiens* seluruh dunia.

Kajian juga dibuat bertujuan untuk mendapatkan berbezaan berita yang dilaporkan oleh media tempatan dan asing bagi laporan mengenai isu yang sama.

Berbezaan itu berdasarkan kepada cara berita diolahkan oleh penulis itu sendiri sama ada dengan membuat laporan secara umum, kritikal atau analisis. Setiap isu yang dikemukakan boleh diolah secara umum, kritikal atau analisis bergantung kepada kehendak agensi berita itu sendiri.

Bagi tujuan penyelidikan ini, pengkaji memilih Bernama dan akhbar *Berita Harian* bagi tujuan persampelan media tempatan. Dua agensi ini diambil kerana Bernama adalah agensi media rasmi kerajaan. Bernama juga bertanggungjawab mengumpul berita dan menyalurkannya kepada media tempatan dan wakil media asing yang beroperasi di negara ini.

Pemilihan *Berita Harian* sebagai sampel kajian pula bersesuaian dengan status akhbar ini yang mencatatkan paling ramai pembaca di negara ini. Bagi kategori media asing, pengkaji memilih Reuters dan AFP memandangkan aktiviti pengumpulan berita di kalangan wartawan di dua agensi ini lebih aktif dan lebih banyak merangkumi laporan ekonomi dan politik.

Melalui kajian ini juga, pengkaji akan membuat perbandingan mengenai ketepatan berita yang disampaikan bagi memastikan ia bertepatan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh sumber mereka.

### **1.2.1 Peranan BERNAMA sebagai agensi media rasmi**

Sebagai agensi media rasmi kerajaan, Bernama yang ditubuhkan pada 1968 bertanggungjawab menyalurkan berita kepada media tempatan dan asing. Agensi yang ditubuhkan mengikut Akta Bernama 1967 memulakan operasi pada 20 Mei 1968 dengan modal permulaan sebanyak RM1.5 juta yang disampaikan oleh Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Pertubuhan yang beroperasi hampir 32 tahun itu kini berkembang pesat dengan diberikan tanggungjawab yang lebih besar iaitu sebagai agensi tunggal mengagihkan berita luar negara ke Malaysia. Pengagihan tugas berkuatkuasa pada 1984. Kerajaan kemudian membuat keputusan menyerahkan hak eksklusif kepada BERNAMA untuk menyelenggara pengaliran maklumat ke negara ini. Keputusan menyerahkan hak itu adalah sebagai usaha kerajaan mengawal pengaliran masuk berita luar negara kepada pembaca tempatan.

Pada 1997, kerajaan mencadangkan supaya BERNAMA dikorporatkan pada 1 Januari 1997. BERNAMA kemudian dikenali sebagai Bernama Berhad dengan bermodalkan sendiri sebanyak RM15.7 juta. Pengkorporatan itu tertakluk kepada Akta Syarikat 1967 yang mana ekuitinya dipegang oleh Kementerian Kewangan dan bukan Kementerian Penerangan.

Kini BERNAMA mengendalikan sebanyak 50,000 patah perkataan bersama 70 hingga 80 tajuk berita setiap hari yang membabitkan berita dari Meja Am, Ekonomi, Korporat dan Sukan. Semua maklumat ini disalurkan kepada pelanggan yang terdiri daripada wakil kedutaan luar negara, korporat, institusi kewangan, syarikat persuratkhabaran tempatan dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Banyak agensi luar mengadakan hubungan kerjasama seperti jawatankuasa Asean mengenai Kebudayaan dan Informasi (Coci), dan Asean New Exchange (Anex). Kerjasama Bernama juga membabitkan agensi Berita Indonesia (Antara), Agensi Berita Filipina (PNA) dan Agensi Berita Negara Thai (TNA). BERNAMA turut menjalankan kerjasama dengan Agensi Berita Turki (Anadolu), Agensi Berita Itali (Ansa), Organization of Asia-Pacific News Agencies (OANA).

Kerjasama itu membabitkan Agensi Berita Korea (Xinhua) dan International Islamic News Agency and Non Aligned News Pool. Pada 3 Mac 2000, BERNAMA memandatangani perjanjian persefahaman pertukaran maklumat dengan agensi berita Yaman, Yemen News Agency (Saba) dan BERNAMA melalui program pertukaran berita ANEX dan Asia-Pacific Network (ANN).

Pertukaran berita juga diadakan dengan agensi berita asing yang juga pelangganya antaranya, Reuters, AFP dan Kyodo. Berita itu juga disalurkan ke pejabat perwakilan dan Jabatan Pelajaran Malaysia di seberang laut sebagai perkhidmatan kedutaan dan pelajar.

BERNAMA kini mengorak langkah dengan membekalkan laporan terkini secara terus menerusi internet. Penyiaran bermula dalam mesyuarat Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada 14 November 1998. Perkhidmatan itu boleh diperolehi melalui rangkaian Newslink yang boleh didapati melalui laman [www.bernama.com/newslink](http://www.bernama.com/newslink). Maklumat berita terkini dari BERNAMA boleh dikunjungi melalui laman [www.bernama.com](http://www.bernama.com).

### **1.2.2 Peranan *Berita Harian* sebagai akhbar utama bahasa Malaysia yang memberi tumpuan kepada isu politik**

Sebagai agensi persuratkhabaran bahasa Malaysia yang utama, Berita Harian Sdn bhd (BHSB) melalui akhbar *Berita Harian* memberi tumpuan khusus kepada laporan mengenai isu politik. Hampir setiap hari isu politik dimuatkan di bahagian dada akhbar berkenaan. Berita politik terutama membabitkan kenyataan daripada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kanan adalah bahan utama akhbar berkenaan setiap hari.

Akhbar *Berita Harian* diterbitkan pada 1 Julai 1957 iaitu dua bulan genap sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Kelahirannya bertujuan menyediakan sebuah akhbar tulisan rumi untuk bangsa Melayu merdeka. Akhbar terbitan syarikat Straits Times iaitu syarikat yang dikuasai Inggeris, Pengarah Urusan ketika itu ialah AC Simmons dan Ketua Pengarangnya, Tan Sri LC Hoffman.

*Media Guide* dalam laporannya pada tahun 1998 menunjukkan sirkulasi *Berita Harian* sebanyak 272,615. Kadar ini mencatatkan jumlah pembaca seramai 1,737,000.

Perangkaan itu menunjukkan bahawa *Berita Harian* mencatatkan pengedaran dan pembaca paling tinggi berbanding akhbar saingannya, Utusan Malaysia dengan kadar pengedaran sebanyak 253,680 dengan jumlah pembaca seramai 1,535,000. Akhbar terbitan BHSB ini boleh dikunjungi melalui laman web <http://www.nstpi.com.my> dan [www.jaring.my/bharian](http://www.jaring.my/bharian)

### **1.2.3 Peranan Reuters sebagai agensi media asing di negara ini**

Reuters ditubuhkan oleh Paul Julius Reuters, seorang berbangsa Yahudi Jerman dari Havas pada 1851. Operasi asal bertujuan menyebarkan maklumat dan catatan pasaran saham antara London. Reuters kemudian terkenal sebagai sebuah agensi berita yang menawarkan perkhidmatan berita am dan berita ekonomi seluruh Britain dan Eropah. Pada permulaan operasi, Reuters membina jalinan rapat dengan negara Eropah untuk menyebarkan berita berdekatan.

Agensi ini kemudian mengembangkan operasi perniagaannya keluar dari Eropah hingga ke timur jauh pada 1872 dan Amerika Selatan pada 1874. Jaringan diteruskan dengan menyediakan koresponden di negara tanah jajahan British seperti Perancis, Sepanyol dan Amerika.

Sehingga tahun 1997, Reuters mempunyai pejabat di 217 bandar dalam 97 buah negara untuk memperolehi maklumat setempat terkini. Terdapat sejumlah 16,000 orang pekerja dalam operasi jaringan komunikasi swasta terbesar ini. Laporan kewangan Reuters 1998 mencatatkan perolehan sebanyak 2,882 juta pound sterling dan memperolehi keuntungan sebanyak 626 juta pound sterling.

Di negara ini, Reuters beroperasi di dua cawangan iaitu di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Cawangan utama Reuters di Kuala Lumpur iaitu di tingkat 32, KLCC Tower, maklumat mengenai Reuters boleh dikunjungi melalui laman [www.online.reuters.com](http://www.online.reuters.com). Reuters mempunyai wartawan sepenuh masa seramai tujuh orang. Wartawan bertugas menyediakan di antara 20 hingga 30 berita pelbagai isu terutama politik dan ekonomi setiap hari.

Sepanjang kempen pilihan raya, koresponden sedia ada diagih-agihkan ke negeri lain terutama Kelantan dan Terengganu. Pengagihan tugas itu dibuat bagi memastikan tugasannya mereka menyeluruh terutama membabitkan kampen yang dijalankan parti pembangkang terbesar iaitu PAS.

Warawatan Reuters terkenal dengan kemahiran mereka mendapatkan berita eksklusif ekonomi. Kemahiran itu diperolehi dengan usaha agensi itu sendiri menghantar kakitangannya menghadiri kursus penulisan ekonomi di Singapura. Setiap kakitangan jabatan editorial diwajibkan mengikuti kursus sedemikian.

Reuters yang beribu pejabat di London memilih Singapura sebagai tempat mengumpulkan semua wartawan bahagian ASEAN untuk menghadiri kursus sedemikian. Melalui pertemuan itu, semua wartawan dapat berkumpul dan bertukar maklumat mengenai bidang tugas harian.

Dalam usaha meningkatkan operasinya di negara ini, Reuters Country Manager Malaysia/Brunei, Gudrun Nienaber berkata, pihaknya melabur sebanyak RM20 juta dengan menyertai projek menyediakan perkhidmatan keluaran Reuters. Projek yang dilaksanakna melalui program Multimedia Supercorridor (MSC) sudah mendapat status MSC daripada kerajaan pada 1 Jun 1999.

Nienaber berkata, projek berterusan selama lima tahun itu menyediakan perkhidmatan keluaran Reuters termasuk menyebarkan maklumat daripada BERNAMA melalui rangkaian dan pengedaran berita dari Asia melalui internet online.

#### **1.2.4 Peranan Agence France Presse (AFP) sebagai agensi media asing di negara ini**

AFP diasaskan oleh Charles-Lois Havas pada 1835 di Perancis yang ketika itu dikenali sebagai Agence Havas. Pada Jun 1944, Havas terbahagi kepada dua iaitu Havas untuk agensi periklanan dan AFP berfungsi sebagai agensi berita. Agensi ini menjadi sebuah organisasi bebas dan tidak dapat dikuasai oleh mana-mana pihak.. Ini dapat menjamin AFP menemui setiap kehendak pelanggan seluruh dunia. AFP beroperasi sebagai agensi berita bukan dikelolakan oleh kerajaan. Ia adalah organisasi yang berorientasikan keuntungan. AFP dimiliki oleh semua pelanggan dari seluruh dunia yang tidak dipegang saham khas oleh kerajaan dan korporat di Perancis.

AFP kini dikelolakan oleh lapan orang wakil akhbar. Dua wakil stesen penyiaran, tiga wakil kerajaan, dua wakil pengurusan AFP yang semuanya berada di Perancis. Di negara ini, AFP menjalankan operasinya di tingkat bawah lobi Hotel Equatorial, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur. Bagi menyelaraskan urusan pengumpulan laporan ekonomi, AFP menjalankan perkongsian dengan Finacial Times dengan membentuk AFX-Asia yang menawarkan berita ekonomi kepada pelanggan korporat.

Pengunjung boleh berhubung terus AFP melalui rangkaian internet dengan mengunjungi alamat <http://www.afp.com>. AFP sehingga kini mempunyai seramai 1,200 wartawan dan juru gambar dan 2,000 stringers bekerja untuk biro di 165 negara. Seramai 200 juru gambar bekerja sepenuh masa mendapatkan gambar untuk pakej gambar dalam perkhidmatan AFP.

AFP menawarkan perkhidmatan melalui enam bahasa dalam penyebaran berita kepada pembaca seluruh dunia. Bahasa yang menjadi tumpuan ialah Perancis, Inggeris, Sepanyol, Portugis, Arab dan Jerman. Setiap hari AFP menterjemahkan 120,000 hingga 130,000 patah perkataan setiap bahasa kepada negara di seluruh dunia meliputi semua jenis berita. Jumlah perangkaan setiap hari lebih kurang dua juta perkataan dengan dilengkapi 150 gambar dan 80 grafik. Tenaga kerja AFP di negara ini tidak seramai Reuters. Hanya dua wartawan berita dan seorang wartawan foto yang terdiri daripada penduduk tempatan dan seorang ketua biro warga negara asing.

AFP menghasilkan 15-30 berita setiap hari. AFX-Asia mempunyai dua wartawan dari Wall Street Journal memberi liputan mengenai perkembangan ekonomi di Malaysia.

### **1.3 Skop kajian**

Pengkaji memberi tumpuan kepada isu politik dan ekonomi dalam setiap berita dan maklumat yang diperolehi. Kajian lebih tertumpu kepada corak persembahan berita yang disampaikan kepada golongan sasar. Corak persembahan termasuk cara laporan ditulis, diolah dan disusun menjadi satu berita kepada pembaca. Pengolahan penting bagi memastikan segala maksud yang tersirat itu dapat difahami oleh pembaca.

Ada juga wartawan yang perlu menulis mengikut kehendak agensi tempat mereka bertugas. Walaupun pada isu yang sama tetapi pengolahan yang diperlukan berlainan dan berbeza dengan agensi media tempatan. Ia bergantung kepada kehendak media itu sendiri mencorakkan berita yang macam mana perlu diolah mengikut kesesuaian masa tempat dan keadaan.

Bagi agensi berita Reuters, mereka memang terkenal dengan kecekapan memperolehi berita eksklusif berhubung perkembangan ekonomi semasa dengan mendapatkan maklumat terkini melalui *interview* eksklusif dengan tokoh ekonomi dan korporat tanah air.

Wakil media asing mudah mendapat kerjasama daripada tokoh korporat kerana tokoh korporat ini yakin bahawa maklumat yang diberikan itu akan disebarluaskan ke seluruh dunia, dengan harapan ia meningkatkan prestasi syarikat dan membantu perkembangan ekonomi negara.

Kemahiran kakitangan Reuters dalam usaha mereka untuk mendapatkan berita eksklusif menjadikan agensi itu sebagai rujukan utama media tempatan dan penghasilan berita ekonomi terkini. Kebolehan mereka mendapatkan bahan eksklusif tidak dipertikaikan kerana mereka lebih mudah mendapat kerjasama daripada tokoh korporat tempatan kerana tokoh ini yakin kenyataan yang dikeluarkan dibaca masyarakat oleh antarabangsa.

## **1.4 Metodologi Penyelidikan**

Bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji menggunakan tiga kaedah kajian iaitu, analisis kandungan, temubual dan pemerhatian.

### **1.4.1 Analisis Kandungan**

Kaedah analisis kandungan adalah pendekatan yang digunakan secara menyeluruh dalam penyelidikan ini. Analisis kandungan membabitkan bahan berita yang diterbitkan oleh media tempatan dan dua agensi asing ini. Pemilihan topik berdasarkan kepada beberapa isu penting yang menyentuh permasalahan politik dan ekonomi.

Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan dengan mendapatkan sumber daripada berita yang disiarkan semua media terbabit. Tumpuan diberikan kepada perbezaan kaedah penyampaian kerana kajian mendapati, wujud perbezaan laporan di antara media asing dan tempatan dalam melaporkan berita mengenai isu politik atau ekonomi.

Kajian juga mendapati wujud perbezaan corak penulisan dan persempahan oleh media tempatan dan asing pada isu sama dan diperolehi daripada sumber yang sama.

#### **1.4.2 Temubual**

Pengkaji menggunakan kaedah temubual dalam kajian ini. Temubual diadakan dengan ketua biro, pengarang berita, koresponden dan wartawan daripada agensi media asing.

Wakil media tempatan yang ditemubual ialah, Ketua Pengarang Bernama Syed Jamil Syed Jaafar. Wakil media asing ialah, wartawan politik dan ekonomi Reuters berpangkalan di Kuala Lumpur, Remee Ahmad; Ketua Biro AFP Kuala Lumpur, Peter Star, dan Pengurus Reuters Wilayah Malaysia/Brunei, Gudrun Nienaber.

Melalui kajian ini juga, pengkaji mendapatkan maklumat melalui temubual dengan wakil kedutaan yang terdiri daripada pegawai yang bertanggungjawab dalam usaha pengumpul maklumat tidak rasmi berhubung isu politik dan ekonomi di negara ini.

Pegawai yang ditemubual antaranya ialah, Duta Norway, Fred Herald Nomme; Pegawai Kedutaan Finland, Jutta Laitala dan Penasihat Kedua Kedutaan Kanada, Leslie Alexander Keir James. Temubual dengan pegawai kedutaan ini dijalankan ketika pengkaji menghadiri majlis rasmi kerajaan, swasta dan di mahkamah ketika menghadiri perbicaraan kes rasuah bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kaedah temubual digunakan dalam kajian ini bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada sumber berkaitan. Temubual diadakan dengan wakil daripada kedutaan kerana wujud operasi pengumpulan berita dan maklumat oleh pegawai berkenaan di majlis rasmi kerajaan dan korporat.

#### **1.4.3 Pemerhatian**

Penyelidikan juga memuatkan fakta berdasarkan kepada pengalaman pengkaji yang bekerja sebagai wartawan dan pernah menjalani kursus kewartawan anjuran institusi kewartawan di Jerman, Internationales Institut Fur Journalismus in Berlin, Budapest Strasse 41. 1000 Berlin, 30 Federal Republic of Germany pada 1995.

Pemerhatian juga dijalankan melalui aktiviti harian pengkaji yang bertugas sebagai wartawan. Melalui tugasan harian, pengkaji memberi perhatian kepada kaedah pengumpulan berita dan maklumat oleh wakil daripada media tempatan dan asing ketika mereka menjalankan tugas pengumpulan berita.

Kaedah ini membantu pengkaji untuk melihat sendiri pendekatan yang digunakan oleh wakil media tempatan dan asing untuk mendapatkan bahan berita daripada sumber masing-masing. Pemerhatian merangkumi cara wakil media asing dan tempatan mengemukakan soalan kepada sumber mereka untuk mendapatkan berita.

Pemerhatian lain termasuk cara wakil media mewujudkan hubungan yang baik kepada sumber mereka untuk dijadikan *contact person* dalam usaha untuk mendapatkan berita eksklusif. Setiap wartawan mempunyai keistimewaan mereka dalam usaha memperolehi seberapa banyak *contact person* untuk mendapatkan berita eksklusif. Bahan eksklusif hanya akan diperolehi jika wartawan itu mempunyai hubungan rapat dengan *contact person* mereka.

*Contact Person* atau sumber yang baik dengan wartawan ini biasanya membabitkan seseorang menteri, ketua setiausaha kementerian, ketua pengarah jabatan, penaung badan bukan kerajaan (NGO), pengarah atau pengurusi eksekutif badan korporat serta polis bagi mendapatkan berita jenayah.

## **1.5 Kajian Pelaporan Berita Politik**

Bagi isu politik, pengkaji memberi tumpuan khusus liputan berita media asing dan tempatan sepanjang kempen pilihan raya bermula 10 November 1999 iaitu ketika kerajaan mengumumkan pembubaran Parlimen dan pada hari pengundian 29 November 1999. Isu politik lain yang turut dimuatkan ialah berhubung pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 September 1998.

## **1.6 Kajian Pelaporan Berita Ekonomi**

Berhubung isu ekonomi, pengkaji memilih laporan media tempatan dan asing dalam laporan Belanjawan 2000 oleh Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin di Dewan Rakyat pada 29 Oktober 1999. Pengkaji memilih topik ekonomi dan politik pada tarikh-tarikh berkenaan kerana keadaan itu memberikan gambaran menyeluruh aktiviti pengumpulan berita dan maklumat oleh agensi media tempatan dan luar negara.

Dalam situasi itu, umum dapat melihat bagaimana media tempatan berperanan membantu kerajaan menstabilkan keadaan politik ketika itu. Laporan positif media tempatan berhubung perkembangan positif itu membantu meningkatkan pemulihan ekonomi negara.

## **1.7 Kenyataan Masalah Penyelidikan**

Sepanjang kajian, pengkaji tidak terlepas menghadapi masalah terutama untuk mendapatkan maklumat daripada wakil media asing. Masing-masing terutama wartawan daripada media asing ternyata begitu berhati-hati dan ragu-ragu dengan setiap persoalan yang dikemukakan. Walaupun perbincangan dan persoalan dikemukakan tidak secara rasmi, ternyata mereka kemudian bertanyakan semula kepada pengkaji tujuan soalan diajukan.

Walaupun kajian dilakukan bagi tujuan ilmiah, mereka masih ragu untuk memberikan maklumat terperinci mengenai operasi agensi dan strategi pengumpulan berita di kalangan kakitangan. Responden menyatakan bahawa, mereka tidak boleh memberikan semua maklumat kepada pengkaji disebabkan beberapa faktor termasuk polisi agensi itu sendiri. Mereka mungkin tidak percaya kepada pengkaji dengan beranggapan kajian bertujuan mendapatkan maklumat mengenai operasi mereka termasuk membabitkan soal kewangan dan strategi pemasaran.

Keengganan memberi maklumat terperinci agensi masing-masing disebabkan mereka khuatir segala rahsia syarikat yang diberikan akan sampai kepada pesaing daripada agensi media yang lain bertindak sebagai saingan. Tidak dinafikan juga, keengganan wakil media asing untuk memberi kerjasama kepada pengkaji. Ini disebabkan dengan isu yang biasa dikemukakan pengkaji sebelum ini berhubung laporan media asing yang sering dianggap sebagai berat sebelah hingga mewujudkan ketidakseimbangan maklumat di antara negara maju dan membangun. Media asing sering dipersalahkan kerana didakwa sengaja memberikan maklumat yang kurang tepat mengenai negara ini.

Bagaimanapun, masalah itu diatasi melalui pertemuan pengkaji dengan wartawan daripada agensi berita asing ketika menjalankan tugasannya harian. Pertemuan demi pertemuan mengeratkan hubungan rakan setugas. Faktor itu turut membantu pengkaji mengenali mereka dengan lebih dekat sebelum mendapatkan maklumat mengenai kajian ini. Ada wakil media asing yang ditemubual adalah di kalangan penduduk tempatan dan mereka lebih mudah dibawa berbincang untuk mendapatkan maklumat walaupun pengkaji dimaklumkan bahawa responden tidak boleh mendedahkan semua maklumat atas sebab keselamatan responden dan polisi syarikat.